



**YB TAN SRI NOH BIN HJ OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN &
KERAJAAN TEMPATAN**

**MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN NEGARA
SIRI 5 BILANGAN 1 TAHUN 2017**

KHAMIS, 2 MAC 2017

**BILIK MESYUARAT PERDANA
ARAS 3, PEJABAT PERDANA MENTERI
BANGUNAN PERDANA PUTRA, PUTRAJAYA**

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri
Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara
Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan
Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Malaysia
Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

1. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak**, atas kesudian beliau melapangkan masa untuk mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Siri 5, Bilangan 1, Tahun 2017.

2. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Menteri-Menteri** serta semua ahli-ahli mesyuarat.
3. Mesyuarat Majlis Perumahan Negara atau MPN yang diadakan pada hari ini merupakan mesyuarat kali ke-5 yang seumpamanya sejak ia dilaksanakan pada tahun 2014. Sepertimana semua ahli mesyuarat sedia maklum, MPN merupakan satu *platform* terbaik di mana isu-isu berkaitan pembangunan perumahan dibincangkan secara fokus bersama YAB Perdana Menteri melibatkan Kementerian dengan agensi-agensinya pelaksana pembangunan perumahan seperti PR1MA dan SPNB.
4. Justeru itu, sukacita ingin saya nyatakan bahawa, KPKT selaku Kementerian yang diamanahkan bagi hal ehwal pembangunan perumahan untuk rakyat, amat peka terhadap isu-isu yang dihadapi terutama bagi golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan sederhana iaitu golongan B40 dan M40. Sebagai inisiatif membolehkan pemilikan rumah di kalangan golongan-golongan ini, KPKT telah mempergiatkan penyediaan dan juga pengurusan RMM dengan menekankan beberapa strategi utama pembangunan perumahan untuk tahun 2017 ini.
5. Untuk makluman ahli mesyuarat, sejak tempoh RMKe-8 sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan **RM6.076 billion** bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara yang melibatkan **118 projek siap** yang telah memberi manfaat kepada **83,380 keluarga** di seluruh negara. Kerajaan melalui KPKT akan terus menyediakan perumahan PPR pada masa hadapan, memandangkan projek PPR diterima dengan baik dan ianya mempunyai nilai 'dekat di hati rakyat'.
6. Selain daripada Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh KPKT, beberapa lagi skim perumahan mampu milik disediakan oleh KPKT, antaranya ialah:

Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M)

- i. Penyediaan Program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) telah dilancarkan pada penghujung tahun 2014. Kewujudan RT1M ini menunjukkan sikap keperihatinan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal (rumah) sementara yang selesa kepada golongan belia yang telah berkahwin dengan kadar sewaan yang rendah iaitu RM250.00 sebulan. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, buat masa ini dua (2) blok rumah bagi program RT1M yang mempunyai **632 unit** di lokasi Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah beroperasi dengan jayanya. Kerajaan atas kesedaran untuk memenuhi keperluan golongan belia yang telah berkahwin telah membelanjakan sebanyak **RM3.83 juta** bagi kerja-kerja menaiktaraf **2 blok** yang asalnya merupakan bangunan PPR. RT1M akan diperluaskan di bandar-bandar besar lain di seluruh negara di mana sebanyak **2 program** rumah transit akan dilaksanakan pada tahun ini masing-masing di **PPR Kepong, Kuala Lumpur (410 unit)** dan **PPR Sg. Melana, Johor Bahru, Johor (390 unit)**.

Skim Pinjaman Perumahan

- ii. Program **Skim Pinjaman Perumahan**, yang merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah membiayai kos pembinaan rumah dalam usaha untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat. Dari Januari 2013 hingga Januari 2017, KPKT telah **menerima sebanyak 4,499 permohonan** dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **2,335 atau 52% permohonan telah diluluskan**. Jumlah kelulusan ini melibatkan nilai pinjaman berjumlah kira-kira **104.3 juta ringgit**.
- iii. **Skim MyHome**
Di samping itu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **Skim MyHome** sebagai insentif atau galakan kepada pemaju swasta untuk bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam membina rumah-rumah mampu milik di seluruh negara. Sehingga 31 Januari 2017, sebanyak **140 projek MyHome** yang merangkumi **34,749 unit rumah** telah diterima dan diproses. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,867 unit rumah MyHome 1 dan 7,865 unit rumah di bawah Skim MyHome 2 telah diluluskan secara bersyarat. Sehingga 31

Januari 2017, pembayaran insentif bernilai **RM178.62 juta** telah dibayar oleh KPKT kepada pemaju projek MyHome. Dari segi **permohonan pemilikan unit MyHome**, KPKT telah menerima sebanyak **187,258 permohonan** yang merangkumi 145,125 permohonan MyHome 1 dan 42,133 permohonan MyHome 2.

iv. **MyDeposit**

Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) telah diumumkan YAB Pengerusi ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan (2016) di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2015. Skim ini merupakan satu insentif kerajaan bagi membantu golongan pertengahan memiliki rumah idaman di mana peruntukan sebanyak RM200 juta telah disediakan oleh Kerajaan sebagai sumbangan kepada pembeli rumah pertama untuk rumah mampu milik bagi tujuan bayaran deposit. Sehingga tarikh tutup permohonan pada 30 Jun 2016 lalu, sejumlah **6,298 permohonan** telah diterima merangkumi **3,658 permohonan** bagi pembelian **rumah baru** dan **2,640 permohonan** bagi rumah **sekunder (sub sale)**. Sehingga kini, sebanyak **523 pemohon** telah mendapat manfaat daripada skim ini dengan jumlah keseluruhan bayaran MyDeposit sebanyak **RM13.9 juta**. Skim ini memberikan **sumbangan** kepada pembeli rumah pertama sebanyak **sepuluh peratus (10%) daripada harga** rumah sehingga **RM30,000 maksimum** bagi tujuan pembayaran deposit. Inisiatif ini akan meringankan beban pembeli golongan pertengahan untuk memiliki rumah pertama yang diidamkan.

7. KPKT dari semasa ke semasa sentiasa menambahbaik program-program perumahan yang dibangunkan untuk rakyat, terutamanya kepada golongan sasaran yang berpendapatan rendah dan sederhana. Usahasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri turut giat dipertingkatkan bagi tujuan memastikan tren pembangunan perumahan di peringkat negeri termasuk isu-isu dasar yang timbul dapat difahami dan ditangani secara muafakat dan efektif. Sebagai contoh, pada awal tahun 2017 ini juga, pasukan daripada JPN telah mengambil inisiatif berkunjung ke daerah utara tanah air bagi tujuan memperjelaskan tentang fungsi

dan peranan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3P) yang bakal ditubuhkan.

8. KPKT turut mengambil berat berkaitan isu projek perumahan terbengkalai yang yang menjadi satu igauan para pembeli lebih-lebih lagi dari kalangan pembeli kategori B40 dan M40. Untuk makluman bersama juga, dari tahun **2009 sehingga Februari 2017**, sebanyak **252 projek** perumahan swasta terbengkalai yang telah direkodkan **di seluruh Semenanjung Malaysia**. Jumlah ini melibatkan sebanyak **63,956 unit rumah dan seramai 43,218 orang pembeli**. Secara terperinci, daripada jumlah tersebut sebanyak **186 (74%) projek** telah berjaya disiapkan atau diselesaikan, **18 (7%) projek** sedang berada di pelbagai peringkat pemulihan, manakala sebanyak **48 (19%) projek** lagi masih di peringkat perancangan awal untuk dipulihkan. Daripada jumlah **186 projek** yang telah diselesaikan tersebut, **31 projek telah dipulihkan menggunakan Dana Kerajaan** dengan jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak **RM204.941 juta** yang telah **memberikan manfaat kepada seramai 5,010 orang pembeli**. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, tiada sebarang peruntukan Akta yang menyatakan supaya Kerajaan memulihkan projek-projek perumahan swasta yang telah disahkan terbengkalai. Walau bagaimanapun, ini adalah salah satu bukti keprihatinan Kerajaan yang sentiasa peka dan memastikan permasalahan rakyat didengari serta diselesaikan sewajarnya.
9. Sehubungan itu, pada mesyuarat kali ini sebanyak **tiga (3) kertas pertimbangan dan makluman** akan dibentangkan sebentar lagi iaitu:

Kertas Pertimbangan

- a. **Cadangan Penetapan Harga Jualan & Kadar Sewa Baharu Program Perumahan Rakyat (PPR)**

Kertas Pemakluman

- b. **Rangka Kerja Perundangan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara**

c. Kajian Semula Dasar Perumahan Negara (DRN 2.0) Bagi Tempoh 2018-2022

10. Maka, dengan ini saya serahkan kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Rahim bin Ishak, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara untuk meneruskan agenda mesyuarat kita pada hari ini. Dipersilakan.

**Jabatan Perumahan Negara,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Februari 2017**